

(8 Mac 2021) Sinar Harian, P. 11

Kes baharu kekal bawah 2,000

Seramai 1,683 individu disahkan dijangkiti Covid-19 selain tiga kematian

KUALA LUMPUR

Kes harian baharu Covid-19 di negara ini kekal di bawah 2,000 kes untuk dua hari berturut-turut dengan 1,683 kes dilaporkan pada Ahad.

Kes sembuh pula merekodkan 2,506 kes, manakala terdapat tiga lagi kematian baharu akibat pandemik itu menjadikan angka keseluruhan maut kini ialah 1,169 orang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan baharu itu menjadikan kumulatif kes positif dan kes sembuh masing-masing sebanyak 313,460 dan 291,958 kes manakala kes aktif kini 20,333 kes.

"Kes baharu hari ini (semalam) melibatkan 1,673 penularan tempatan dan 10 lagi kes import. Terdapat 174 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 81 daripadanya menggunakan alat bantuan pernafasan," katanya menerusi ciapan di Twitternya mengenai perkembangan Covid-19 pada Ahad.

Selangor mencatat kes baharu tertinggi dengan 746 kes diikuti Sarawak (201); Pulau Pinang (172); Johor (158); Kuala Lumpur (125) dan Sabah (99).

Negeri Sembilan dan Perak



DR NOOR HISHAM

masing-masing merekodkan 48 kes, Perlis (24), Kedah (15); Kelantan (12), Pahang (12), Terengganu (10), Labuan (lapan), Melaka (3) dan Putrajaya dua kes.

Dr Noor Hisham berkata, kesemua kes kematian melibatkan warga tempatan iaitu seorang lelaki dan dua wanita dalam lingkungan umur 78 hingga 85 tahun dengan masing-masing menghidap penyakit kronik.

Jelasnya, terdapat lapan kluster baharu dikesan melibatkan lima kluster di tempat kerja, dua kluster pusat tahanan dan satu

kluster penularan komuniti.


Kluster di tempat kerja membabitkan dua di Selangor iaitu Kluster Kemuning Enam dan Kluster Jalan Sungai Selangor, Kluster Industri Inanam di Sabah, Kluster Jalan Industri Tiga (Johor) dan Kluster Tapak Bina Jalan Satu (Kuala Lumpur).

"Kluster di pusat tahanan pula melibatkan Kluster Jalan Awang di Sarawak dan Kluster DTI Persiaran Wawasan di Perlis, manakala kluster komuniti adalah Kluster Kiba, Sarawak," katanya.


Beliau berkata, pengesanan kluster baharu itu menjadikan jumlah keseluruhan kluster kini 1,199 kluster dengan 472 kluster masih aktif. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 7 Mac 2021




Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN: 313,460 PULIH: 291,958 ICU: 174 KEMATIAN: 1,683 KES BAHARU: +1,683



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 311,777 kes kepada 313,460 kes